

Perlis dijangka bebas banjir menjelang tahun 2014

Oleh FAIZAL NAZARUDDIN

faizal.nazaruddin@kosmo.com.my

PADANG BESAR – Kegusaran penduduk terhadap masalah banjir yang melanda di negeri ini dijangka dapat diatasi sepenuhnya menjelang tahun 2014.

Ini berikutan dua projek utama bagi menyelesaikan masalah tersebut iaitu menaik taraf Empangan Timah Tasoh fasa 2 serta mendalamkan Sungai Perlis yang bernilai RM579.6 juta sedang giat dijalankan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Joseph Kurup berkata, kesemua projek terbabit bakal disiapkan pada

tahun berkenaan.

“Dua projek utama itu mendapat peruntukan khas daripada Perdana Menteri untuk dilaksanakan segera manakala satu lagi projek iaitu lencongan sungai timur dan barat adalah usaha kerajaan negeri.

“Kesemua projek itu telah bermula dan apabila siap kelak ia dapat mengatasi masalah banjir yang dialami kira-kira 100,000 penduduk di negeri ini,” katanya selepas melawat Empangan Timah Tasoh di sini semalam.

Turut hadir pada lawatan tersebut, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu dan Pengarah Jabatan Pengairan dan Sa-

liran negeri, Ir. Nishad Mohamed Mohd. Shaffy.

Perlis dianggarkan kini mempunyai populasi sekitar 240,000 penduduk dengan kepadatan penempatan di Kangar dan Arau yang sebelum ini kerap dilanda bencana banjir sejak tahun 2010.

Menurut Kurup, apabila projek menaik taraf Empangan Timah Tasoh disiapkan, ia mampu menampung 87 juta meter padu air berbanding sekitar 33 juta meter padu ketika ini.

“Bagi projek mendalamkan sungai di negeri ini, reka bentuknya telah disiapkan dan bakal bermula pada bulan ini setelah kontraktor dilantik,” ujarnya.



KURUP (dua dari kanan) dan Md. Isa (dua dari kiri) meninjau Empangan Timah Tasoh, Padang Besar semalam.